

SP 3.5.1 Menulis isi-isi penting untuk menghasilkan ringkasan dengan betul menggunakan ayat yang gramatis.

- A** Baca teks di bawah dan gariskan isi-isi penting tentang peranan pihak sekolah bagi memupuk minat murid terhadap seni tradisional.

Sekolah memainkan peranan penting dalam memupuk minat murid terhadap seni tradisional kerana pengaruh budaya asing semakin menular pada masa ini. Terdapat beberapa usaha yang boleh dilakukan oleh pihak sekolah bagi memastikan seni tradisional terus wujud dalam diri murid.

Pihak sekolah seharusnya menanam kefahaman kepada murid tentang kepentingan memelihara seni tradisional bagi mengekalkan identiti sesebuah negara. Guru-guru boleh menekankan hal ini di dalam kelas atau di luar kelas dan sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada para murid.

Selain itu, pendedahan tentang seni tradisional di Malaysia perlu diberikan. Pihak sekolah boleh menjemput kumpulan-kumpulan kesenian untuk membuat persembahan. Usaha ini boleh dilakukan dengan mewujudkan slot khusus tentang seni tradisional sewaktu perhimpunan.

Pengajaran Minggu Seni Tradisional di sekolah juga merupakan satu daripada usaha bagi menyemai minat terhadap seni tradisional dalam kalangan murid. Pelbagai aktiviti kesenian seperti persembahan, pameran atau permainan yang melibatkan seni tradisional boleh dijalankan.

Selanjutnya, pihak sekolah boleh mengadakan pertandingan kesenian tradisional dengan sekolah lain. Selain dapat menarik minat murid, mereka juga dapat meluaskan jaringan perkenalan dan memupuk perpaduan.

Kesimpulannya, pelbagai usaha bagi memupuk minat murid terhadap seni tradisional sewajarnya dilakukan kerana seni tradisional pada hari ini semakin kurang mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat, khususnya remaja.

TUTOR

- B** Berdasarkan A, hasilkan sebuah ringkasan dengan menulis kembali isi-isi penting tersebut dalam satu perenggan. Panjangnya ringkasan anda hendaklah **tidak melebihi 100 patah perkataan**. Anda digalakkan menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan. Tutor Ekstra **1BM031**

Antara peranan pihak sekolah bagi memupuk minat murid terhadap seni tradisional adalah dengan _____

_____. Selain itu, _____

_____. Seterusnya, _____

_____. Akhir sekali, _____

SKOR:

Tahap Penguasaan yang dikuasai

1

2

3

4

5

6